

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah benar bahawa keengganan Petronas menjual baja urea kepada pembeli tempatan merupakan salah satu penyebab harga sayur-sayuran tempatan khususnya di Sabah semakin meningkat dan membimbangkan terutama semasa pandemik COVID-19 ini memandangkan Sabah terlalu bergantung dengan baja yang diimport dari China. Apakah langkah-langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) prihatin terhadap isu kenaikan kos input pertanian khususnya baja yang berlaku semenjak pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia. Kebanyakan baja yang digunakan oleh petani dihasilkan daripada bahan mentah yang diimport daripada negara luar seperti unsur nitrogen, fosfat (*phosphate*) dan kalium (*potassium*). Antara negara pengeksport utama bahan mentah bagi penghasilan baja adalah Republik Rakyat China (RRC) dan India. Perubahan dasar

SOALAN NO : 39

semasa oleh negara pengeksport bagi menjamin kelangsungan sumber di negara berkenaan telah menyebabkan pengeksportan turut berkurang. Selain itu, gangguan penghasilan bahan mentah juga menjadi punca kekurangan stok baja dan racun di pasaran dunia. Antaranya, penutupan kilang-kilang pembekal bahan mentah di wilayah Shanxi di utara RRC yang terjejas teruk akibat banjir besar serta penutupan stesen janakuasa di Texas, Amerika Syarikat yang menyebabkan kilang tidak dapat beroperasi.

Faktor-faktor lain seperti kenaikan harga petroleum yang diperlukan bagi menghasilkan sebahagian produk akhir baja serta peningkatan kos logistik terutamanya aktiviti perkapalan turut menyumbang kepada kenaikan harga baja di pasaran tempatan. Apabila bekalan baja berkurangan di pasaran sedangkan permintaan sentiasa berterusan, peningkatan harga berlaku di sepanjang rantai pembekalan produk tersebut.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Berkenaan Isu Kenaikan Harga Baja dan Racun sebagai usaha bersepadu untuk meneliti cadangan tindakan dan kaedah penyelesaian serta langkah-langkah lain dalam membantu petani dan pengusaha kecil yang berhadapan dengan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, beberapa cadangan penyelesaian telah diangkat oleh MAFI dan KPDNHEP secara bersama untuk pertimbangan Jemaah Menteri pada 12 November dengan memberi penekanan supaya kesan pelaksanaan mana-mana inisiatif, intervensi dan program kelak dapat dirasai oleh rakyat secara berpanjangan. Antara cadangan yang sedang dipertimbangkan untuk menangani isu ini termasuk melalui pelaksanaan subsidi atau insentif bersasar kepada golongan petani yang terkesan.

MAFI dan KPDNHEP sentiasa peka dengan kenaikan harga baja dan racun bagi memastikan produktiviti pengeluaran tidak terjejas dan bekalan sentiasa mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan.

SOALAN NO : 39

Pada masa yang sama, bagi membantu mengurangkan kesan kenaikan harga baja dan kebergantungan kepada baja import, (MAFI) melalui Jabatan dan Agensi juga telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah berikut:-

- 1) Menggalakkan penggunaan baja-baja yang dihasilkan oleh pengeluar tempatan
- 2) Menggalakkan dan mempromosikan penggunaan input pertanian berasaskan mikroorganisma berfaedah (*Effective Microorganism*) seperti 'Plant Booster', 'Growth Enhancer' dan 'Bokashi'.
- 3) Menggalakkan penggunaan bahan sisa tanaman seperti jerami padi untuk dijadikan baja kompos.
- 4) Menjalankan aktiviti pengembangan bagi mendidik petani untuk menggunakan baja dan racun mengikut keperluan dan sukatan yang tepat dengan teknik-teknik yang betul supaya penggunaan baja dan racun adalah berkesan.

Manakala bagi menangani masalah kualiti baja dalam jangka panjang, MAFI juga mewujudkan satu Rang Undang-Undang khusus untuk mengawalselia industri baja. Rang Undang-Undang ini sedang diperingkat akhir gubalan dan akan dibentangkan di Parlimen apabila telah siap. Rang Undang-Undang ini dijangka dapat mengatasi isu-isu berkaitan baja dan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara melalui penghasilan baja yang berkualiti dan mengikut standard yang diperakui.

Sekian, terima kasih.